

Elak lawan tiga penjuru-Karpal
Utusan Online
14 APRIL 2013

GEORGE TOWN 13 April - Bimbang akan kesan besar ke atas kemenangan pakatan pembangkang Pengerusi DAP Kebangsaan Karpal Singh mahu sekutunya mengelak daripada bertanding sesama sendiri pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) 5 Mei ini.

"Perlu ada tolak ansur, mesti ada kompromi. Tidak semua akan berpuas hati tapi matlamatnya (kita) mesti memuaskan seramai mungkin. Pertandingan tiga penjuru boleh memberi kesan besar ke atas pakatan pembangkang," katanya di sini hari ini.

Beberapa kawasan di Kedah seperti Parlimen Alor Setar dan Padang Serai dan DUN Bakar Bata, Derga, Bakar Arang, Gurun dan Lunas serta DUN Sungai Acheh di Pulau Pinang, dikenal pasti bakal menyaksikan pertandingan tiga penjuru. - BERNAMA

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source http://www.utusan.com.my/utusan/Pilihan_Raya/20130414/px_26/Elak-lawan-tiga-penjuru---Karpal#ixzz2ZzndnHLV

© Utusan Melayu (M) Bhd